

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

## Dua produk kosmetik ada merkuri

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) membatalkan notifikasi untuk dua produk kosmetik iaitu Karisma Turmeric Booster Cream dan Flashhskinzz Treatment Cream selepas ia dikesan mengandungi racun berjadual.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tindakan pembatalan notifikasi diambil Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi di KKM ke atas dua produk mengandungi merkuri itu, lantas ia tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

Justeru, beliau menggesa peniaga menghentikan penjualan dua produk kosmetik terbabit, manakala orang awam pula tidak membeli atau menggunakananya.

"Merkuri dilarang dalam produk kosmetik kerana boleh memudaratkan kesihatan. Ia boleh diserap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.

"Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan. Merkuri juga boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

PESAKIT ENGGAN KE HOSPITAL, LEBIH PERCAYA BOMOH

# JAMPI ANTI KANSER

Perhubungan bukan kerajaan (NGO) Cancer Survivors Malaysia mendedahkan hampir 95 peratus pesakit kanser di negara ini mengakui pernah menggunakan khidmat bomoh yang mendakwa mampu merawat penyakit itu tanpa perlu menjalani rawatan kemoterapi. Tindakan itu menyebabkan pesakit terpaksa menanggung derita apabila kanser yang dialami merebak ke seluruh badan.

Iapor Zuliaty Zulkifli

2022

M3

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : LOKAL

# Percaya bomoh daripada doktor

*95 peratus pesakit kanser mengaku pernah cuba rawatan alternatif di kampung*

ZURAINI (kiri) menasihati bapa seorang pesakit kanser supaya membawa anaknya mendapatkan rawatan di hospital berikutan keadaan anaknya semakin lemah. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

## Alor Setar

**H**ampir 95 peratus pesakit kanser mengakui mereka pernah menggunakan khidmat bomoh kampung yang mendakwa mampu merawat pesakit itu tanpa perlu menjalani rawatan kemoterapi.

Perbuatan itu menyebabkan ada dalam kalangan pesakit kanser terpaksa memanggung derita apabila kanser yang dialami merebak ke seluruh badan.

Perkara itu didehdahkan oleh Pengurus Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal berikutan pengalamannya ketika bertemu dengan pesakit kanser di negara ini.

Menurutnya, akibat ter-

lalu taksub dan percayaan rawatan bomoh sehingga sanggup membiarkan pesakit kanser terlantar di rumah tanpa rawatan hospital.

"Dalam program ziarah CSM hari ini (semalam), kami bertemu dengan keluarga pesakit kanser tahap empat yang mendakwa hanya bertemu dengan bomoh untuk memulihkan kanser yang dihidapi.

"Sudah banyak kali nasihatkan semua pesakit supaya mendapatkan rawatan hospital tetapi masih ada yang percaya pada bomoh."

"Saya terpaksa memberi nasihat berulang kali kepada keluarga pesakit kanser saya sendiri bekas pesakit kanser dan perlu melalui pelbagai rawatan yang disarankan doktor.

"Jika terus bertemu bo-

moh, ia hanya menyebabkan wang banyak habis kerana perlu membawa barang yang diminta malah ada barang yang tidak munasabah seperti kain kapas, paku dan sebagainya," katanya ketika ditemui, semalam.

Zuraini berkata, dalam pertemuan dengan sebuah keluarga di bandar raya ini, semalam, dia terkejut apabila diberitahu pesakit kanser itu terlantar di atas katil dalam keadaan tidak bermaya kerana bapanya tidak membenarkan anaknya dihantar ke hospital.

Katanya, dalam kes seperti ini, ia seperti 'menyejek' pesakit kerana dia

seharusnya menjalani rawatan lanjut termasuk kemoterapi.

"Akibatnya pesakit hanya terlantar di atas katil dengan keadaannya semakin lemah dan apabila ditanya apa pesakit gagal memberi alasan yang munasabah.

"Walaupun pesakit terlambat menerima rawatan namun atas nasihat yang diberikan, mereka bersatu untuk menghantarinya ke hospital dengan segera," katanya.

Zuraini berkata, sempena meraih sambutan Hari Kanser Sedunia, beliau turut menasihatkan pesakit kanser di negara ini supaya mendapatkan segera rawatan jika disahkan

menghadapi kanser kerana ia boleh merebak dengan cepat.

Sementara itu seorang pesakit kanser payu dara, Jamilah Ahmad, 53, berkata dia pernah mendapatkan rawatan bomoh sebelum ini yang bertujuan untuk menyembuhkan penyakitnya.

Katanya, bomoh di Pulau Pinang itu menetapkan harga sebagai 'pengeras' untuk berubat sebanyak RM120 untuk sekali rawatan.

"Namun dia memberi syarat supaya pesakit tidak menjalani rawatan di hospital atau kemoterapi.

"Bomoh itu beri sedu dan sireh pinang supaya saya amalkan setiap hari sehingga 'sembuh' tadi di pertengahan jalan, saya buang semuanya kerana rawatan itu mencurigakan," katanya

ketika dihubungi.

Jamilah berkata, selepas rawatan itu, ketulan di payu daranya semakin membengkak menyebabkan dia mendapatkan rawatan di hospital.

Katanya, dia menghadip kanser payu dara pada tahun 2011 dan pernah menjalani pembedahan sebanyak tiga kali.

"Kalan nak kira jumpa bomoh ni, saya dah habis wang sebanyak RM300 termasuk berjumpa bomoh kampung untuk ambil air penawar.

"Namun rawatan hospital lebih baik kerana kanser payu dara yang saya alami makin berkurban dan pada 22 Februari ini saya akan berjumpa dengan pakar di hospital untuk melihat ketulan ketulan pada payu dara kiri," katanya yang menetap di Padang Terap.

## Kos rawatan mahal punca pesakit cari rawatan alternatif

**Kuala Lumpur:** Maklumat salah diterima, rawatan kanser menyakitkan selain kos rawatan mahal antara faktor ramai pesakit kanser memilih mendapatkan rawatan alternatif.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, memilih rawatan alternatif menjadi kebiasaan di Malaysia terutama membabitkan wanita namun ia sebenarnya mengundang risiko kepada pesakit.

"Ini menyebabkan pesakit mungkin lewat mendapatkan khidmat nasihat pro-

fesional dan rawatan yang betul berikutka kaedah lain terutama bomoh bercanggah dengan rawatan diberikan profesional.

"Ia agak mendukacitakan berikutka pesakit kanser mungkin ada peluang mendapat rawatan lebih baik.

"Pesakit terbitib juga membahayakan diri sendiri, sebagai contohnya memakan ubat tak betul atau terdedah keracunan serta kesan sampingan. Selain itu mereka terdedah ditipu apabila ada perawat alternatif ini mengenakan caj mahal tetapi tidak mujarab," katanya.

Katanya, kerajaan perlu menyediakan sistem dan

kakitangan yang mesra pesakit dengan menawarkan rawatan pada kos berpatut-

kan. Kita perlu faham mereka (pesakit kanser) terdahulu emosi selepas disahkan menghadap penyakit kanser. Kadangkala mereka tidak menerima nasihat sesuai. Bahkan ada antaranya menerima nasihat dalam bentuk menggerunkan hingga menyebabkan pesakit ini dapatkan rawatan luar (alternatif).

"Selain itu, saya ha-

rap kerajaan dapat menyediakan bajet sesuai terutama kepada golongan B40 dan M40 yang terkencing dengan penyakit kanser dihidapi.

Ia sekaligus dapat membantu mereka menjalani rawatan mengikut kadar kemampuan mereka," kata dia.

Sementara itu, Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Dr M Murallitharan berkata, pesakit perlu terbuka menerima nasihat pakar berbanding terpedaya dengan piakah yang mengaut ke-

"Ramai (pesakit) takut dengan masalah kanser dan menerima maklumat palsu bahawa rawatan kemoterapi dan sebagainya adalah merbahaya untuk mereka. "Maka mereka cuba mencari penyelesaian dari pihak lain terutama apabila ada individu menjanjikan yang bukan-bukan. Contohnya memberikan gambaran sangat positif (peluang sembah).

"Jadi, pesakit dan ahli keluarga perlu menerima maklumat serta pandangan dari pakar perubatan yang dapat memberikan maklumat terbaik untuk merawat seseorang pesakit," katanya.

“Ada perawat alternatif ini mengenakan caj mahal tetapi tidak mujarab

Dr Sharifa Ezat



**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 20**  
**RUANGAN : LOKAL**

## Henti penjualan dua produk krim mengandungi merkuri

**Putrajaya:** Produk kosmetik Karisma Turmeric Booster Cream serta Flashhskinzz Treatment Cream tidak lagi dibenarkan dijual di Malaysia kerana dikesan mengandungi racun berjaya merkuri.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan semalam berkata, ia susulan notifikasi produk kosmetik terbatit dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi.

"Merkuri dilarang dalam produk kosmetik kerana boleh memudaratkan kesihatan. Ia boleh diserap masuk dalam badan dan menyebabkan kerosakan buah pinggang dan sistem saraf," katanya.

Selain itu, merkuri juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak atau janin yang belum dilahirkan dan boleh menyebabkan ruam, iritasi dan beberapa perubahan lain pada kulit.

Dr Noor Hisham berkata, penjualan dan pengedaran produk kosmetik terbatit perlu dihentikan serta-merta kerana melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Individu yang melakukan kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 boleh didenda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk



KARISMA Turmeric Booster Cream serta Flashhskinzz Treatment Cream tidak dibenarkan dijual. Syarikat melakukan kesalahan pertama dan dak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk salah satu boleh didenda sehingga RM50,000 untuk kesalahan berikutnya.

kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

"Orang awam yang menggunakan produk kosmetik terbatit dinasihatkan segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidaksesuaian atau kesan aduers," katanya.

Orang awam turut digalakkan menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman web rasmi NPRA [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) atau melalui aplikasi *NPRA Product Status* yang boleh dimuat turun daripada Google Play Store. - Bernama

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NEGARA**

Boleh rosakkan buah pinggang, sistem saraf, selain menyebabkan ruam

## 2 produk kosmetik dikesan ada merkuri

Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** – Orang ramai diminta mengelak daripada membeli dan menggunakan dua jenis produk kosmetik yang dikesan mengandungi racun berjudau.

Dua produk itu, Karisma Turmeric Booster Cream dan Flashhskinzz Treatment Cream dikesan mengandungi merkuri oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdulrahman berkata, notifikasi produk kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM dan tidak lagi dibenarkan dijual di Malaysia.

"Merkuri dilarang di dalam produk kosmetik kerana boleh memudaratkan kesihatan.

"Ia boleh diserap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, merkuri juga boleh

**Karisma Turmeric Booster Cream**



**2. Flashhskinzz Treatment Cream**



**DUA produk kosmetik yang dilarang penjualannya selepas dikesan mengandungi merkuri.** – IHSAN KKM

mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan, selain boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

"Penjualan serta pengedaran produk kosmetik tersebut perlu dihentikan serta-merta. Penjualan dan pengedaran produk kosmetik ini melanggar Peraturan-

Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Individu yang ingkar boleh diadili tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga

tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

"Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 bagi kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham turut menasihatkan orang awam yang menggunakan produk-produk kosmetik itu agar segera menghentikan penggunaannya.

Katanya, mereka perlu mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidaksesuaian atau kesan advers.

"Orang awam digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman web rasmi NPRA [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) atau melalui aplikasi 'NPRA Product Status' yang boleh dimuat turun dari pada Google Play Store," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NEGARA

## Hampir sejam tunggu ambulans sampai

**BATU KURAU** — Seorang wanita berhadapan detik cemas apabila terpaksa menunggu hampir sejam sebelum ambulans tiba di kediamannya di Kampung Relang di sini baru-baru ini untuk membawa anak perempuannya yang pitar ke Hospital Taiping.

Menurut Sarina Razali, 48, ketika dia sedang bersiap sedia untuk keluar berniaga, anak perempuannya, Farisha Damia Mat Sam, 15, mengadu tidak sedap badan kira-kira pukul 10 pagi.

Katanya, dia pada mulanya bercadang untuk membawa anaknya ke klinik berdekatan, namun Farisha Damia kemudian pengsan, menyebabkan dia terus menghubungi talian 999 bagi mendapatkan bantuan segera.

"Saya terus sahaja hubungi talian kecemasan itu, namun ambulans dari Hospital Taiping tiba hampir pukul 11 pagi. Saya tidak keruan kerana macam-macam boleh berlaku dalam penantian selama kira-kira 45 minit itu.

"Saya dimaklumkan ambulans yang berada di Batu Kurau ini tidak dapat mengambil anak

saya untuk dibawa ke hospital kerana digunakan untuk mengambil pesakit lain," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurutnya, pihak operator talian kecemasan 999 juga memaklumkan kepadanya bahawa ambulans yang terletak di kawasan berhampiran iaitu Kampung Relang Panjang pula tidak dapat digunakan kerana mengalami kerosakan.

"Saya tidak pasti ada beberapa banyak ambulans di Batu Kurau ini tetapi sesuatu patut dilakukan. Takkun hal kecemasan seperti melibatkan pernafasan perlu tunggu 45 minit untuk dibawa ke hospital?

Beberapa penduduk di sekitar Batu Kurau turut meminta agar pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya agar isu serupa tidak berulang kembali.

Kata Mohd. Sahbudin Ramli, 52, tidak salah sekiranya kerajaan sediakan lebih banyak ambulans di kawasan tersebut demi kebaikan dan kebaikan penduduk sekitar.

"Kita mahu kerajaan cekap\* dalam uruskan hal-hal kecemasan begini," jelasnya.



AMBULANS dari Hospital Taiping digunakan bagi membawa Farisha Damia untuk mendapatkan rawatan di Kampung Relau, Batu Kurau.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 21  
 RUANGAN : NASIONAL

## Produk kosmetik dikesan mengandungi merkuri

**PUTRAJAYA**- Dua produk kosmetik iaitu Karisma Turmeric Booster Cream dan Flashskinz Treatment Cream dikesan mengandungi merkuri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membatalkan notifikasi produk tersebut.

"Orang awam digesa untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk-produk kosmetik berikut kerana



DR NOOR HISHAM

dikesan mengandungi merkuri," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, penjual dan pengedar produk itu perlu menghentikan penjualan dan pengedaran dengan serta-merta.

"Penjualan dan pengedaran produk-produk kosmetik ini adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," katanya.

Beliau berkata, individu yang melakukan kesalahan di bawah peraturan itu boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama.

"Orang awam di galakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman se sawang rasmi NPR [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) atau melalui aplikasi *NPRA Product Status* yang boleh dimuat turun daripada *Google Play Store*," katanya.



Kenyataan KKM mengenai produk kosmetik yang dikesan mengandungi merkuri.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

# Rombak sistem kesihatan

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sudah tiba masanya sistem kesihatan negara ini dirombak bukan sahaja membabitkan perjawatan tetapi merangkumi perkhidmatan kesihatan, kewangan dan pencegahan penyakit dengan menyegerakan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan.

Pertambahan populasi 32.9 juta penduduk pada tahun ini di samping 15 peratus rakyat berusia lebih 60 tahun menjelang 2030 menuntut reformasi perkhidmatan kesihatan dilaksanakan agar tidak terus membebani kewangan negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, kewujudan suruhanjaya itu penting kerana sistem sedia ada membebankan semua pihak khususnya soal perjawatan akibat berlaku birokrasi pengambilan petugas kesihatan.

Justeru, katanya paling penting adalah memisahkan sek-



**Setiap kali bertukar tampuk kepimpinan Kementerian Kesihatan, ada menteri berhasrat mahu mewujudkan suruhanjaya kesihatan tetapi sehingga kini tidak berlaku.”**

tor kesihatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) agar Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan diberikan kuasa dalam menentukan jumlah kakitangan, tangga gaji, imbuhan dan pelantikan petugas.

“Kita terlalu terikut dengan JPA dan menyebabkan sukar untuk mendapatkan perjawatan dengan cepat kerana terpaksa bersaing dengan sektor lain. Sedangkan ada hospital tidak cukup doktor, jururawat

dan petugas kesihatan kerana ada pegawai berhenti kerja.

“Jadi penyelesaian terbaik menyegerakan penubuhan suruhanjaya yang telah lama dicadangkan supaya badan kesihatan mempunyai entiti sendiri menguruskan pengambilan kakitangan, bayaran gaji dan elauan serta latihan seperti polis di bawah Suruhanjaya Pasukan Polis dan badan kehakiman pula ada Suruhanjaya Kehakiman begitu juga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,” katanya.

Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd., Mohamad Azlan Jaafar menerusi Minda Pengarang *Utusan Malaysia* menyuarakan agar Kementerian Kesihatan dibebaskan birokrasi negara dengan memisahkannya daripada telunjuk JPA agar dapat menentukan struktur tersendiri.

Katanya, kementerian itu perlu menentukan struktur tersendiri seperti jumlah kakitangan diperlukan, tangga gaji dan imbuhan, pelantikan, prosedur dan amalan.

Selain itu, isu tuntutan Gerakan Hartal Doktor Kontrak yang menggesa kerajaan menyelesaikan beberapa tuntutan khu-

susnya membabitkan status pegawai perubatan kontrak.

Sektor kesihatan juga dianggap kritikal apabila seorang doktor perlu merawat 1,000 pesakit sedangkan nisbah doktor dan pesakit oleh Kementerian Kesihatan pada 2021 adalah 1:420 di sektor awam dan wasta.

Dalam pada itu, Dr. Zainal Ariffin berkata, sekiranya idea Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan dapat dilaksanakan, ia dapat menyelesaikan isu skim perkhidmatan kesihatan sekali gus mengelakkan lebih ramai pakar dan pegawai perubatan berhijrah ke luar negara.


Beliau menegaskan, idea suruhanjaya tersebut tidak boleh dilengahkan dan Menteri Kesihatan tidak boleh mengambil masa terlalu lama kerana perkara tersebut telah lama disuarakan.

“Setiap kali bertukar tampuk kepimpinan Kementerian Kesihatan, ada menteri berhasrat mahu mewujudkan suruhanjaya kesihatan tetapi sehingga kini tidak berlaku. Jadi Dr. Zalihah Mustafa kena lakukan perubahan drastik sistem kesihatan negara,” katanya.

## AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : FORUM



HADKAN bilangan doktor kerajaan yang melakukan kerja sampingan di hospital swasta. - GAMBAR HIASAN/FAUZI BAHRUDIN

# Kejar habuan, pesakit terabai?

## SAUDARA PENGARANG,

PADA 10 Februari lalu, muka hadapan *Utusan Malaysia* bertajuk *Enam bulan tunggu dibedah* menyiarkan pendedahan bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye bahawa pesakit kronik terpaksa menunggu tiga hingga enam bulan untuk berjumpya, dirawat dan dibedah ekoran kekurangan doktor pakar yang kini hanya berjumlah 13,000 orang berbanding keperluan 26,000.

Menurut beliau, kesan daripada ketidakupayaan sistem kesihatan tersebut memberi khidmat kepada rakyat, pesakit terpaksa mencari doktor swasta tetapi mereka terpaksa membayar kos mahal.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan Dr. Zalihah Mustafa mengumumkan terdapat 4,263 jawatan tetap bagi pegawai perubatan untuk diisi pada 2023.

Satu permulaan yang baik tetapi negara bukan memerlukan jumlah tersebut untuk tahun ini sahaja, malah ia diperlukan setiap tahun bagi memastikan masalah berkenaan dapat dibendung.

Hospital kerajaan terus menjadi tumpuan kerana hakikatnya, kos rawatan swasta meningkat berkali-kali ganda. Jangankan golongan berpendapatan sederhana (M40), mereka yang berada dalam kategori berpendapatan tinggi (T20) pun turut menggaru kepala.

Bagi yang mempunyai insurans, mungkin agak kurang beban ditanggung, namun bukan semua penyakit dapat dilindungi.

Bagi memastikan jumlah doktor mencukupi di hospital dan klinik kerajaan, pengagihan sumber manusia perlu diimbang semula. Kadangkala sesetengah jabatan atau hospital mempunyai jumlah kakitangan berlebihan.

Malangnya, tempat lain khususnya di pedalaman mempunyai banyak kekosongan yang tidak mendapat perhatian. Ramai doktor tidak mau berkhidmat di luar kota. Mereka

lebih selesa di bandar besar.

Kata mereka, jika bukan berada di hospital utama atau terkemuka, sukar untuk mendapatkan tempat atau pengalaman jika ingin melanjutkan pelajaran. Jika semua ini terus dilayan, rakyat luar bandar akan terus terpinggir dan gagal mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik diperlukan.

Hadkan juga bilangan doktor kerajaan daripada mengambil bahagian atau melakukan kerja sampingan di hospital swasta. Alasan memberi peluang kepada mereka untuk menambah pendapatan, tidak lagi relevan pada masa kini kerana gaji kakitangan awam sekarang hampir setanding atau lebih baik dari pada mereka yang berada di luar sana.

Sering kali kita dengar cerita yang sama. Ramai doktor dari hospital kerajaan membuat lokum atau bekerja sampingan di hospital swasta. Kerja di tempat sendiri pula terabai dan tidak mendapat perhatian.

Malah, ada yang menyerahkan tugas hakiki kepada doktor baharu atau tidak berpengalaman untuk merawat pesakit di fasiliti mereka. Tempoh menunggu menjadi lama kerana doktor kerap menangguh pembelahan atau rawatan berikutam terlalu sibuk mencari habuan lebih lumayan di luar.

Ini bukan satu gurauan, malah senario berkenaan sudah berleluasa dan menjadi kenyataan. Bagi mereka yang tidak mempunyai sumber kewangan, terpaksa bergolok-bergolok demi mengumpul wang supaya pembebasan dapat segera dilakukan di hospital swasta. Sedihkan?

Seumur ini perlu dihentikan. Jika anda bekerja dengan kerajaan, tumpukan perhatian terhadap tugas yang diberikan. Andai ingin berkhidmat di sektor swasta, tidak ada masalah. Beribu lagi insan yang mampu untuk mengambil tempat anda. Tidak ada orang yang tidak boleh digantikan.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Sales ban on two cosmetic products with mercury

**PUTRAJAYA:** The sale of two cosmetic products with the brand name Karisma, namely its Turmeric Booster Cream and Flashhsdnza Treatment Cream, is no longer allowed in Malaysia.

They were found to contain mercury, which is a scheduled poison, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. He said the notification of the two products had been revoked by the senior director of pharmacy services.

"Mercury is prohibited in cosmetics because it can be harmful to health. It can be absorbed into the body and cause damage to the kidneys and nervous system," he said.

He added that mercury can also interfere with the brain development of young or unborn children and cause rashes, irritation and other changes in the skin.

Dr Noor Hisham said the sale and distribution of these cosmetic products must be stopped immediately as they violate the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

Any individual who commits an offence under that law can be fined not more than RM25,000 or imprisoned not more than three years or both for the first offence, and fined not more than RM50,000 or jailed not more than five years or both for subsequent offences.

A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and up to RM100,000 for subsequent offences.

"Members of the public who are currently using these cosmetic products are advised to immediately stop using them and seek advice from health professionals if they experience any discomfort or adverse effects," said Dr Noor Hisham.

Members of the public are also encouraged to check the notification status of cosmetic products by visiting the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) website [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) or through the NPRA Product Status app that can be downloaded from the Google Play Store. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Two cosmetic products with mercury banned

**PUTRAJAYA:** The sale of two cosmetic products under the brand name Karisma - Turmeric Booster Cream and Flashhskinz Treatment Cream - are no longer allowed in Malaysia as they have been found to contain mercury, which is a scheduled poison, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the approval on the two products had been revoked by the senior director of pharmacy services.

"Mercury is prohibited in cosmetic products because it can be harmful to health. It can be absorbed into the body and cause damage to the kidneys and nervous system," he said, adding that it can also interfere with the brain development of young or unborn children and can also cause rashes, irritations and other changes in the skin.

Noor Hisham said the sale and distribution of the products must be stopped immediately as they violate the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

Any individuals who breach the regulations can be fined not more than RM25,000 or imprisoned for not more than three years, or both, for the first offence and fined not more than RM50,000 or jailed for not more than five years, or both, for subsequent offences.

A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and up to RM100,000 for subsequent offences.

"Anyone who is currently using these cosmetic products is advised to immediately stop using them and seek advice from health professionals if they experience any discomfort or adverse effects." - Bernama